UNTUK SIARAN SEGERA

4 APRIL 2020

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEMBAYARAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN) FASA PERTAMA SECARA BERPERINGKAT MULAI 6 APRIL 2020

Saya merujuk kepada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bernilai RM250 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 dan Siaran Media Kementerian Kewangan mengenai Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bertarikh 29 Mac 2020. Dalam pengumuman awal, BPN dirancang untuk dibayar pada penghujung bulan April 2020. Jumlah keseluruhan BPN sebanyak RM9.24 bilion akan dibayar dalam dua fasa.

Sukacita saya memaklumkan, bagi fasa pertama BPN pakej PRIHATIN[1], 8.3 juta penerima isi rumah dan individu bujang sudah diluluskan. Pembayaran fasa pertama ini yang berjumlah **RM5.63 bilion akan dibuat secara berperingkat mulai 6 April 2020 (Isnin).** Pecahan penerima adalah seperti berikut:

Kategori & Pendapatan Bulanan	B40 Isi Rumah RM4,000 ke bawah	B40 Bujang RM2,000 ke bawah	M40 Isi Rumah RM4,001 hingga RM8,000	M40 Bujang RM2,001 hingga RM4,000	Jumlah
Jumlah pembayaran	**RM 3.24 bilion**	**RM 1.81 bilion**	**RM0.44 bilion**	**RM 0.14 bilion**	**RM5.63 bilion**
Jumlah Penerima	**3.24 juta**	**3.62 juta**	**0.88 juta**	**0.56 juta**	**8.30 juta**

[1] Maklumat lebih terperinci tentang pembayaran fasa pertama BPN adalah terkandung pada **lampiran** yang disertakan.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak terlibat, terutamanya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) dalam membolehkan bayaran BPN ini dipercepatkan demi membantu rakyat Malaysia yang memerlukannya.

Saya juga ingin menasihati rakyat agar **berhati-hati dengan *scammers*** yang semakin berani mengambil peluang menipu orang awam yang memerlukan bantuan Pakej PRIHATIN ini. Penerima disarankan merujuk kepada sumber-sumber rasmi dan tidak memberikan maklumat kepada mana-mana pihak yang tidak dikenali.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Putrajaya
4 April 2020

Lampiran

BPN akan diberikan kepada mereka yang layak mengikut jadual berikut:

Kategori & Pendapatan Bulanan	B40 Isi Rumah RM4,000 ke bawah	B40 Bujang RM2,000 ke bawah	M40 Isi Rumah RM4,001 hingga RM8,000	M40 Bujang RM2,001 hingga RM4,000
Jumlah Bantuan BPN	RM1,600	RM800	RM1,000	RM500
Fasa Pembayaran	April: RM1,000 Mei: RM600	April: RM500 Mei: RM300	April: RM500 Mei: RM500	April: RM250 Mei: RM250
Tempoh Pembayaran	6 hingga 12 April 2020		13 hingga 15 April 2020	
Kaedah Pembayaran	Bayaran akan dibuat secara terus ke akaun bank berdaftar di bawah data Bantuan Sara Hidup (BSH) dan data percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)			

Tempoh permohonan baharu dan rayuan BPN dibuka dari 1 - 30 April 2020.

Bagi memastikan BPN sampai kepada mereka yang benar-benar layak, proses semakan atas permohonan baharu dan rayuan akan dibuat dan bagi mereka yang diluluskan bayaran akan dibuat pada bulan Mei 2020.

Bagi penerima BPN yang tidak mempunyai akaun bank, pembayaran akan dibuat secara tunai selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan.

Penerima BPN di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang mempunyai akaun bank akan turut menerima pembayaran ini pada tempoh yang sama seperti di Semenanjung Malaysia. Bagi penerima

pedalaman yang tiada akaun bank, BPN akan dibayar sekaligus dengan bayaran BSH 2020 fasa ketiga.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak Kementerian Kewangan atau LHDNM melalui nombor-nombor telefon atau pautan berikut:

	No telefon/ e-mel	**Waktu operasi**
Kementerian Kewangan	03-8882 9089 03-8882 9087 03-8882 9191 03-8882 4565 03-8882 4566	9 pagi – 5 petang Ahad - Jumaat
	bsh@treasury.gov.my pre2020@treasury.gov.my Telegram: PRE PRIHATIN Facebook: Kementerian Kewangan Malaysia	
LHDNM	1-800 882 747 03-8911 1000	9 pagi – 5 petang Ahad - Jumaat